

Nik Aziz rancang pertemuan PM dan Sultan

KOTA BHARU: Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat akan menjemput Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadap Sultan Kelantan bagi menyelesaikan perbezaan pandangan antara mereka.

"Saya akan berusaha mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr Mahathir bagi membincangkan perkara itu.

"Hanya dengan cara ini saja perbezaan pandangan dan masalah yang timbul sebelum ini dapat diselesaikan," katanya.

Bellau berkata, perbezaan pandangan yang timbul sebelum ini mungkin disebabkan oleh kesilapan yang dilakukan oleh Menteri Besar lalu.

Bagaimanapun, bellau tidak memberitahu tarikh pertemuan itu akan diadakan tetapi berharap dapat dilakukan secepat mungkin.

Haji Nik Abdul Aziz yakin, menerusi pertemuan itu, segala masalah yang timbul sebelum ini akan dapat diselesaikan dengan aman.

"Kami (Haji Nik Abdul Aziz) akan berusaha berbuat demikian agar segala masalah yang timbul sebelum ini dapat diselesaikan segera," katanya kepada *Berita Minggu* selepas menghadiri mesyuarat ketua-ketua muslimah Pas, di JKR 10, di sini, semalam.

Akhbar hari ini melaporkan, Menteri Besar itu juga akan mengundang Datuk Seri Dr Mahathir melawat negeri ini tidak lama lagi.

Mengikut laporan itu, bellau berkata, Perdana Menteri perlu melawat Kelantan dan mengambil tahu mengenai negeri itu yang juga sebahagian daripada Malaysia selain menjalinkan rasa persefahaman dan baik sangka antara Kerajaan Kelantan dan Kerajaan Pusat.

Selain itu, Haji Nik Abdul Aziz berkata, kerajaannya juga sudah memilih beberapa nama yang akan menjadi ahli Jawatankuasa Bebas bagi menyiasat penyelewengan yang didakwa dilakukan ketika pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Menteri, Besar, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata nama-nama itu sudah di 'booking' tanpa pengetahuan mereka terbabit. "Mereka tidak tahu langsung mengenai pemilihan itu," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri juga masih mencari lagi mereka yang tidak berpihak kepada sesiapa bagi menganggotai jawatankuasa itu.

Bellau berkata, proses penubuhan jawatankuasa itu akan dilakukan secepat mungkin selawat-lewatnya hujung tahun ini.